



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN BERKENAAN KOSMETIK YANG DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL**

Putrajaya, 15 Ogos 2025

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan kosmetik-kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
1	JC BEAUTY CULTURE RADIANCE RENEWAL SERUM	Hidrokuinon dan Tretinoin
2	THE PERFECT DERMA CREAM	Miconazole

Susulan daripada itu, notifikasi kosmetik-kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

Kosmetik yang mengandungi **hidrokuinon, tretinoin dan miconazole** adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat ahli profesional kesihatan. Penggunaan kosmetik yang mengandungi bahan-bahan tersebut **tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan** boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan yang tidak diingini seperti berikut:

Racun Berjadual	Kesan Sampingan
Hidrokuinon	Boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diingini, kulit menjadi hipersensitif, boleh menghalang proses pigmentasi (depigmentasi) yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV merbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.
Tretinoin	Bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.
Miconazole	<i>Anti-fungal</i> (Miconazole) yang diguna secara tidak terkawal boleh meningkatkan risiko kerintangan dan seterusnya mengurangkan keberkesanannya untuk merawat jangkitan pada masa hadapan.

PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR KOSMETIK INI

Penjual dan pengedar kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan pengedaran** kosmetik ini adalah melanggar **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984**.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman **denda tidak melebihi RM25,000** atau **penjara tidak melebihi 3 tahun** atau **kedua-duanya** untuk **kesalahan pertama** dan **denda tidak melebihi RM50,000** atau **penjara tidak melebihi 5 tahun** atau **kedua-duanya** untuk **kesalahan berikutnya**. **Syarikat** yang melakukan kesalahan boleh dikenakan **denda sehingga RM50,000** untuk **kesalahan pertama** dan **denda sehingga RM100,000** untuk **kesalahan berikutnya**.

PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM

Orang awam yang sedang menggunakan kosmetik-kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan *advers*.

Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Melalui:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia



LAMPIRAN

Nama Kosmetik: JC BEAUTY CULTURE RADIANCE RENEWAL SERUM



Nama Kosmetik: THE PERFECT DERMA CREAM

